

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ("LMP") ini bersama dengan terma dan syarat umum sebelum anda membuat keputusan untuk memohon atau menerima tawaran Produk ini.

Sila dapatkan penjelasan daripada Agrobank ("Bank") jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma dan syarat umum.



Tarikh: _____

1. Apakah *Shipping Guarantee-i* (SG-i)?

Shipping Guarantee-i (SG-i) ialah indemniti yang dikeluarkan oleh Pihak Bank kepada Syarikat Perkapalan atau ejennya untuk membolehkan pembeli / pengimport mengambil barangan / kargo di pelabuhan tanpa perlu menyerahkan Bil Muatan (*Bill of Lading*) asal.

Konsep Syariah yang digunakan

Kafalah

Kafalah merujuk kepada kontrak di mana penjamin bergabung dengan pihak yang dijamin dalam memikul liabiliti yang ditentukan oleh pihak yang terjamin. Sifat khusus *Kafalah* adalah untuk memberikan jaminan tentang pemenuhan kewajipan liabiliti pihak yang dijamin.

2. Ketahui Tanggungjawab Anda

Bagi komisen SG-i ini, **sebagai ilustrasi:**

- Jumlah jaminan anda: **RM7,000,000.00**
- Tempoh jaminan anda: **3 bulan daripada tarikh SG-i dikeluarkan**
- Kadar komisen: **0.1% kadar rata atas nilai invoice dengan minimum RM50 (sehingga 3 bulan)**

Secara keseluruhan anda akan membayar RM7,000.00 sebagai komisen untuk tempoh jaminan selama 3 bulan.

Nota:

Bagi SG-i:

Kriteria Kelayakan

- SG-i akan dikeluarkan untuk dokumen belian / import kepada pelanggan yang mempunyai kemudahan Surat Kredit (LC-i) dengan pihak Bank.
- Kriteria lain adalah tertakluk kepada polisi semasa Bank.
- SG-i perlu dipulangkan untuk pembatalan apabila menerima Bil Muatan (*Bill of Lading*).

Adalah tanggungjawab anda untuk:



Membaca dan memahami **terma utama** dalam **kontrak** sebelum menandatangani.



Penuhi komitmen anda tepat pada masa dan sepenuhnya berdasarkan **tempoh pembiayaan**. Hubungi kami jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal.



Hubungi kami **segera** sekiranya anda tidak dapat memenuhi komitmen anda.

Anda perlu membayar fi dan caj berikut:

- Komisen:**
 - SG-i/dikeluarkan: Kadar rata 0.1% daripada nilai/amaun invoice atau minimum RM50 (sehingga 3 bulan).
 - SG-i dikembalikan selepas tiga (3) bulan dari tarikh pengeluaran: Komisen tambahan sebanyak 0.5% setahun secara bulanan atas nilai invoice dengan minimum RM50 (dari bulan ke-4 dan seterusnya sehingga tarikh pulangan Shipping Guarantee-i).

- Duti Setem:** Seperti yang termaktub di bawah Akta Setem 1949 (Semakan 1989).

Nota:

- Fi dan caj adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (jika ada) atau apa-apa cukai lain yang ditetapkan Kerajaan.

3. Ketahui Risiko Anda

Apa yang berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda?

- Komisen tambahan akan dikenakan sekiranya SG-i tidak dipulangkan 3 bulan selepas tarikh dikeluarkan.
- Bank berhak **menolak** wang dari akaun simpanan anda untuk menyelesaikan komitmen atau baki jaminan anda.
- Bank berhak untuk mengambil **tindakan undang-undang** terhadap anda dan/atau penjamin (jika berkenaan).
- Skor kredit** anda mungkin terjejas yang akan menyebabkan permohonan kemudahan pembiayaan lain pada masa hadapan menjadi lebih sukar.

4. Terma Penting Lain

1. Sekiranya berlaku keingkaran oleh Pelanggan/ Pemohon, Bank bertanggungjawab untuk membuat pembayaran kepada benefisiari SG-i.
2. Sekiranya Pelanggan telah gagal dalam melaksanakan tanggungjawab ataupun telah melanggar syarat kontrak, benefisiari berhak membuat tuntutan ke atas SG-i yang dikeluarkan kepada mereka.
3. Setelah SG-i dikeluarkan, anda bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran walaupun dokumen yang diterima mengandungi ketidakselarasan.
4. Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada Bank tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
5. Jaminan dan/atau cagaran diperlukan oleh pihak Bank dan tertakluk polisi semasa Bank.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai pembiayaan perdagangan anda, anda boleh:



Hubungi
1-300-88-2476



Lawati
[https://www.agrobank.com.my/my/
product/shipping-guarantee-i/](https://www.agrobank.com.my/my/product/shipping-guarantee-i/)



E-mel
customer@agrobank.com.my



Imbas kod QR di
atas

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan sedar tentang apa yang akan anda tandatangani.

☐

Saya mengakui bahawa Agrobank telah memberikan saya salinan LMP.

☐

Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam LMP ini.

**Pengakuan pelanggan terhadap LMP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya terdapat pertikaian kemudiannya mengenai terma dan syarat produk.*

Nama:
Tarikh: